

**MESYUARAT
TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR (P&I) IPTA 2011**

Teks Ucapan Aluan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 11 April 2011, di Bilik Senat PPK Mekatronik

UniMAP, Ulu Pauh, Perlis.

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang berusaha pengacara majlis,

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP,

Wakil-wakil Timbalan Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan,

Seterusnya para hadirin sekalian.

Alhamdulillah, Syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izinNya, kita dapat bersama-sama berkumpul di Kampus Tetap Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi menghadiri Mesyuarat Timbalan-Timbalan Naib Canselor (P&I) IPTA 2011 yang baru sahaja selesai sebentar tadi.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat seluruh Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam memastikan kelancaran majlis kita pada hari ini.

Saya amat berbesar hati kerana Majlis Mesyuarat Timbalan Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang memberi kepercayaan kepada UniMAP untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat pada kali ini dan saya mewakili seluruh warga UniMAP ingin mengucapkan 'Selamat Datang' kepada semua Timbalan Naib Canselor IPTA ke UniMAP dan juga negeri Perlis.

Yang Berbahagia Dato', Prof., Dr., Prof. Madya,

Majlis Mesyuarat Timbalan Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memainkan peranan penting dalam mencorak perjalanan sesebuah universiti dan mesyuarat ini merupakan platform yang terbaik untuk kita membincangkan perkara-perkara yang boleh memantapkan peranan universiti sebagai pusat penyelidikan menjana ilmu untuk kepentingan

manusiawi dan sebagai institusi pendidikan, universiti mempunyai tanggungjawab yang besar untuk mengasuh dan membentuk pemimpin masa depan negara.

Seperti yang kita maklum, Mesyuarat Jawatankuasa Timbalan Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ini menghimpunkan semua Timbalan Naib Canselor dan wakil bagi membincangkan hala tuju sesebuah universiti dan tindakan yang perlu diambil bagi memastikan peningkatan kualiti sesebuah universiti ini.

Saya percaya agenda telah kita bincangkan dalam mesyuarat sebentar tadi akan dapat menambahbaik sistem perjalanan universiti dalam usaha menjadikan IPTA di negara kita untuk menjadi antara universiti yang terbaik di dunia.

Saya berharap agar isu-isu yang dibangkitkan dalam mesyuarat sebentar tadi akan segera mendapat perhatian semua pihak agar kita dapat bersama-sama melakukan pembaharuan untuk mengembalikan dan menyuburkan semula budaya akademia sebenar dalam universiti selaras dengan saranan Yang Berhormat. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin Menteri Pengajian Tinggi Malaysia iaitu **“REJUVENASI BUDAYA AKADEMIA SEBENAR”**

Besarlah harapan saya supaya mesyuarat ini akan diadakan sekerap mungkin bagi memastikan pelbagai isu dan perkara berbangkit dapat dikongsi dan segala permasalahan yang timbul

dapat diselesaikan secara bersama.

Yang Berbahagia Dato', Prof., Dr., Prof. Madya,

Rasanya tidak perlulah untuk saya bercakap panjang pada tengahari ini. Harapan saya agar kita dapat bertemu sekali lagi dalam mesyuarat yang akan datang dengan pelbagai agenda dalam memastikan peningkatan kualiti IPTA ini. Sebelum mengakhiri ucapan ini izinkan saya untuk menyampaikan serangkap pantun:

Sungguh indah bunga kemboja,
Dipetik oleh si anak dara
Juadah sudah letak di meja,
Sudilah tuan menjamu selera.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.